

PENENTUAN STATUS DAN TATACARA *TAJHIZ* MAYAT YANG DIJUMPAI TANPA PENGENALAN DIRI

Oleh

Muhammad Adib bin Samsudin

PENGENALAN

Seseorang yang beragama Islam yang meninggal dunia mesti diuruskan kematiannya dengan cara memandikan, mengkafankan, menyembahyangkan dan mengebumikan (al-Hadramiyy 2009:51). Dengan kata lain, wajib hukumnya iaitu fardu kifayah (Al-Nawawi T.th:5/212) kepada orang Islam yang masih hidup untuk menjalankan keempat-empat proses di atas kepada saudara muslim mereka yang meninggal dunia. Oleh itu, mana-mana mayat yang jelas diketahui beragama Islam perlulah *ditajhiz* mengikut panduan yang telah ditetapkan. Namun demikian, ada juga mayat yang ditemui tetapi tiada pengenalan diri sehingga status agama mayat tersebut perlu dipastikan terlebih dahulu sama ada beragama Islam atau tidak.

OBJEKTIF

Berdasarkan kepada pengenalan di atas, kertas ini dikemukakan untuk mengupas kaedah menentukan status sekaligus menyelenggarakan mayat yang ditemui tetapi tidak diketahui dengan jelas beragama Islam.

HUJAH

Dalam mazhab Syafie, sekiranya status agama seseorang yang mati itu¹ tidak diketahui, jenazah itu hendaklah diselenggara mengikut ajaran Islam. Hal ini jelas dilihat daripada petikan Nihayat al-Muhtaj (al-Ramli 1984:2/195) iaitu

وَلَوْ وُجِدَ مَيِّتٌ مَّجْهُولٌ أَوْ بَعْضُهُ بِلَادِنَا صَلَّيْ عَلَيْهِ إِذَا الْغَالِبُ فِيهَا الْإِسْلَامُ

Maksudnya: Jika ditemui mayat atau atau mana-mana anggota yang tidak diketahui (agamanya) di negara kita, maka hendaklah disembahyangkan kerana majoriti dalam negara tersebut ialah orang beragama Islam.

¹ Termasuk juga mana-mana anggota tubuh badan yang dijumpai.

Pada teks di atas, Syeikh Ramli Rahimahullah menjelaskan bahawa mana-mana mayat atau mana-mana anggota badan yang ditemui tetapi tidak diketahui status agama Islamnya hendaklah *ditajhiz* secara Islam dan disembahyangkan.

Makna yang sama juga terdapat dalam Tuhfat al-Muhtaj. Syeikh Ibn Hajar Rahimahullah menyatakan (T.th:3/161)

كَالْمُسْلِمِ فِي ذَلِكَ مَجْهُولُ الْحَالِ بِدَارِنَا لِأَنَّ الْغَالِبَ فِيهَا الْإِسْلَامُ

Maksudnya: Sama juga (*tajhiz*) orang Islam yang tidak diketahui statusnya (yang ditemui) dalam negara kita kerana majoriti dalam negara tersebut ialah orang beragama Islam.

Walaupun dinyatakan dalam negara kita iaitu negara Islam – dalam konteks Malaysia ialah majoriti penduduk orang Islam – pada kedua-dua teks di atas, tetapi mayat yang berada di negara bukan Islam sekalipun tetap perlu diselenggarakan mengikut kaedah Islam. Syeikh Ramli Rahimahullah menyambung lagi dengan katanya (1984 :2/195)

مُقْتَضَاهُ عَدَمُ الصَّلَاةِ عَلَيْهِ إِذَا وُجِدَ فِي مَوَاتٍ لَا يُنسَبُ لِدَارِ الْإِسْلَامِ وَلَا إِلَى دَارِ الْكُفْرِ

Maksudnya: Ketetapanannya untuk tidak menyembahyangkan mayat yang ditemui ialah di tempat yang dinisbahkan kepada negara Islam atau negara kafir.

Teks ini menyatakan bahawa jenazah yang tidak perlu *ditajhiz* dan disembahyangkan ialah mayat yang tiada nisbah kepada negara yang majoritinya Islam atau kafir. Oleh itu, mayat yang ditemui di Malaysia yang penduduknya lebih ramai beragama Islam lebih wajar untuk diuruskan mengikut Islam. Bahkan sekiranya terdapat tanda-tanda yang menunjukkan kepada agama bukan Islam sekalipun jenazah itu tetap mesti diselenggara mengikut ajaran Islam. Lihat teks yang berbunyi

وَلَا فَرْقَ فِي ذَلِكَ بَيْنَ أَنْ تُوجَدَ فِيهِ عَلَامَةُ الْكُفْرِ كَالصَّلِيبِ أَوْ لَا لِحُرْمَةِ الدَّارِ

Maksudnya: Tiada beza yang demikian itu sekalipun terdapat padanya (mayat) tanda agama kafir seperti salib atau tidak kerana kehormatan negara Islam.

Al-Shubramallisiyy (1984:2/195) pada teks di atas menyatakan bahawa jenazah mesti disembahyangkan hatta didapati pada mayat yang ditemui itu tanda pengenalan seseorang itu beragama Kristian. Ini menunjukkan bahawa *tajhiz* mayat yang tiada pengenalan diri di tempat yang majoriti penduduknya beragama Islam ialah mengikut panduan Islam.

Mungkin timbul persoalan bahawa perbincangan di atas ialah mayat itu ditemui di negara Islam atau majoriti penduduknya beragama Islam. Bagaimana jika mayat ditemui di negara kafir atau majoritinya non muslim?

Syarah kepada Minhaj al-Talibin khasnya al-Shaykh Ramli dan al-Shaykh Ibn Hajar mengisytarkan – untuk menjawab soalan ini – agar dilihat dalam topik al-Laqt tetapi *hawashi* Nihayat al-Muhtaj dan Tuhfat al-Muhtaj telah memberikan jawapannya. Misalnya di dalam Tuhfat al-Muhtaj (T.th:3/161) memberitahu bahawa

إِنْ كَانَ فِيهَا مُسْلِمٌ فَمُسْلِمٌ

Maksudnya: Jika di sana (negara kafir) ada orang Islam, maka hendaklah dianggap sebagai orang Islam.

Pada teks di atas, Al-Imam al-Sharawaniyy Rahimahullah menyatakan bahawa jika ada penduduk beragama Islam dalam sebuah negara kafir atau majoriti penduduknya non muslim, maka seorang kanak-kanak yang ditemui tanpa diketahui agamanya akan dianggap sebagai muslim. Oleh itu, melalui qiyas hukumnya menjadi lebih kuat seorang yang ditemui dalam sebuah negara yang majoritinya adalah beragama Islam untuk dianggap sebagai orang Islam.

Bahkan jika dirujuk dalam *hashiyah* Nihayat al-Muhtaj (1984:2/195) pula, isu menjadi lebih jelas. *Muhsyi* menyebut jenazah yang tiada pengenalan dijumpai itu wajib disembahyangkan iaitu

وَقَضَيْتُهُ أَنَّهُ إِذَا وُجِدَ بِدَارِ الْكُفْرِ وَفِيهَا مُسْلِمٌ أَنَّهُ يُصَلَّى عَلَيْهِ

Maksudnya: Isunya ialah jika seseorang itu ditemui dalam negara kafir sedangkan ada orang Islam di situ, maka hendaklah disembahyangkan.

Pada teks ini al-Imam al-Rashidiyy Rahimahullah secara jelas menyatakan bahawa mayat yang ditemui walaupun berada dalam sebuah negara yang majoriti penduduknya non muslim, hendaklah disembahyangkan. Ini sekaligus membuktikan bahawa *tajhiz* mayat tanpa sebarang pengenalan diri adalah mengikut ajaran Islam.

SARANAN/KESIMPULAN

Menurut mazhab Syafie, kertas mendapati bahawa urusan jenazah yang ditemui dalam keadaan tidak mempunyai pengenalan diri khasnya tidak diketahui agamanya hendaklah diuruskan mengikut syarak iaitu dimandikan, dikafankan, disembahyangkan dan dikebumikan di tempat perkuburan orang Islam.

Wallahu'alam.

RUJUKAN

al-Hadramiyy, Salim bin Samir. 2009. *Safinat al-Naja*. Jeddah: Dar al-Minhaj.

Al-Haytami, Ibn Hajar. T.th. *Tuhfat al-Muhtaj*. 10 jil. Kaherah: al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra.

Al-Nawawi, Mahy al-Din. T.th. *Al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab*. 20 jil. T.tp: T.pt

Al-Ramli, Shams al-Din Muhammad. 1984. *Nihayat al-Muhtaj ila Sharh al-Minhaj*. 8 jil. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Sharawaniyy, 'Abd al-Hamid & al-'Abbadiyy, Ahmad bin Qasim. T.th. *Hawashi al-Sharawani wa al-'Abbadi 'ala Tuhfat al-Muhtaj bi Sharh al-Minhaj*. 12 jil. Kaherah: Dar al-Hadith.

Al-Qalyubi & Umayrah. T.th. *Hashiyah Qalyubi & Umayrah*. 2 jil. Kaherah: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.